


KISAH KEJAYAAN : USAHAWAN IT PI1M KG LONEK SUKU KE - 3/2016 (JULAI - SEPTEMBER)

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
Name of PI1M Nama PI1M	PI1M KG LONEK
Location Lokasi	<i>Bangunan Dato' Haji Khalid Yunus Kg Masjid Lonek 72200 Batu Kikir, Negeri Sembilan.</i>
Name of person(s) Nama	<i>BAKRI BIN HARON</i>
Details of person (s) Butiran diri	<i>Umur : 62 tahun Jantina : Lelaki Taraf pendidikan : Diploma Pekerjaan : Usahawan Mee Kuning dan Tauhu/Petani</i>
Success story Kisah kejayaan	<p><i>En. Bakri bin Haron merupakan usahawan IKS di Kg Lonek yang mengusahakan perniagaan Mee Kuning dan Tauhu. Beliau juga turut menguruskan ladang getah dan buah-buahan secara kecil-kecilan. En. Bakri juga merupakan Bendahari Masjid Kg Lonek dan juga AJK JKKK Kg Lonek.</i></p> <p><i>Kewujudan Pusat Internet 1 Malaysia (PI1M) di Kg Lonek banyak membantu En. Bakri dalam mengembangkan perniagaan beliau dalam menongkah arus kemodenan pada masa kini. Beliau mendapatkan khidmat di PI1M termasuk dalam bentuk latihan dan pembelajaran, fotokopi dan percetakan.</i></p> <p><i>En. Bakri tidak malu untuk menuntut ilmu. Beliau belajar MS Office terutama MS Word dan MS Excel untuk membuat penyata kewangan dan kertas kerja. Beliau juga turut belajar teknik dan cara membuat promosi dan pemasaran di dalam media sosial terutama di laman facebook dan juga blogspot.</i></p> <p><i>Dahulu, beliau menjalankan kerja-kerja pengiraan kewangan secara manual menggunakan buku lejar, tetapi kini semuanya dijalankan dan dibuat di dalam komputer menggunakan perisian MS Excel. Ini memudahkan lagi kerja beliau serta menjimatkan masa kerana tidak perlu mengira menggunakan kalkulator yang kadang kala menyebabkan beliau tersalah memasukkan amaun dan sebagainya. Penyata kewangan Masjid Lonek juga lebih teratur dan sistematik.</i></p>

**ITEM
JENIS**

**INFORMATION
MAKLUMAT**

**Keterangan gambar
Photo caption**



www.inabaenterprise.blogspot.my



Facebook: Mee Kuning Lonek

**ITEM
JENIS**

**INFORMATION
MAKLUMAT**

**Photo caption names
Keterangan gambar
berserta nama**



En. Bakri bin Haron (belakang) sedang kususuk belajar MS Excel -
pengiraan kewangan.



En. Bakri, di bahagian hadapan (kanan) bersama ahli PI1M yang
lain ketika mengikuti kelas MS Office dan keusahawanan.

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
<p>Feedback Maklumbalas</p>	<p>1. <i>What was your first impression towards PI1M?</i> <i>Apakah pandangan pertama anda terhadap PI1M?</i></p> <p><i>Pada pandangan pertama saya, PI1M seolah pusat cyber café yang hanya memberi perkhidmatan internet sahaja.</i></p> <p>2. <i>What attracted you to come and use the facilities in PI1M?</i> <i>Apakah tarikan utama anda untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI1M?</i></p> <p><i>Tarikan utama yang terdapat di PI1M ini ialah kemudahan dan pembelajaran yang percuma serta maklumat mengenai ICT yang mudah didapati .</i></p> <p>3. <i>How can PI1M help others to be successful?</i> <i>Bagaimanakah cara PI1M dapat membantu bagi mencapai kejayaan individu/kumpulan lain?</i></p> <p><i>Melalui aktiviti yang dilakukan oleh PI1M ini seperti kelas mengenai komputer, ICT, keselamatan siber dan sebagainya dapat membantu pelbagai golongan menjadikan internet sebagai batu loncatan kepada kejayaan masing-masing.</i></p> <p>4. <i>Can you suggest improvement to be made to PI1M?</i> <i>(facilities, training activities, promotions, etc)</i> <i>Berikan cadangan dan pandangan bagi menambahbaik PI1M? (kemudahan, aktiviti latihan / kursus, promosi dan lain-lain.</i></p> <p><i>PI1M mengadakan lebih banyak latihan berasaskan keusahawan dan kemahiran kepada usahawan desa.</i></p>